



**JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**TAJUK : “KESAN DOSA DALAM KEHIDUPAN”
TARIKH: 20 JULAI 2018M / 7 ZULQA'DAH 1439H**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَابْتَغُوا إِلَيْهِ الْوَسِيلَةَ وَجَاهِدُوا فِي سَبِيلِهِ
لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٣٥﴾

(Surah al-Maidah : 35)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ، وَمَنْ
تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

SIDANG JUM'AT YANG DIRAHMATI ALLAH ﷻ,

Bertaqwa kepada Allah ﷻ dengan melakukan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Peliharalah diri daripada melakukan

perkara-perkara yang dikhuatiri boleh merosakkan aqidah dan ibadah kita. Kehidupan yang kita nikmati selama ini, seharusnya kita syukuri dengan meningkatkan amal ibadah, memperkukuhkan lagi hubungan kita dengan Allah ﷻ serta mengeratkan hubungan kita sesama manusia. Mudah-mudahan kita termasuk dalam golongan mereka yang memperolehi keredhaan Allah ﷻ, kesejahteraan dan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Firman Allah ﷻ di dalam Surah Ali 'Imran ayat 103:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا

Maksudnya : *Dan berpegang teguhlah kamu semua kepada agama Allah, dan janganlah berpecah belah.*

Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk **“KESAN DOSA DALAM KEHIDUPAN”**.

SIDANG JUM'AT YANG DIMULIAKAN,

Sesungguhnya setiap perbuatan dosa akan dihitung dan mendapat balasan daripada Allah ﷻ, sama ada semasa hidup di dunia mahupun di akhirat. Perkara ini ditegaskan oleh Allah ﷻ dalam firman-Nya melalui Surah al-Ahzab ayat 57:

إِنَّ الَّذِينَ يُؤْذُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ لَعَنَهُمُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَأَعَدَّ لَهُمْ عَذَابًا

مُهِينًا

Maksudnya: *Sesungguhnya orang yang melakukan perkara yang tidak diredhai Allah dan Rasul-Nya, Allah melaknat mereka di dunia dan di akhirat, dan menyediakan untuk mereka azab seksa yang hina.*

Sayugia juga diketahui dan disedari bahawa kesan perbuatan dosa bukan sahaja akan menimpa individu yang melakukannya, malahan orang lain juga akan turut menerima tempias serta akibatnya. Ini bertepatan dengan amaran Allah ﷻ dalam Surah al-Anfal ayat 25:

وَاتَّقُوا فِتْنَةً لَا تُصِيبَنَّ الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْكُمْ خَاصَّةً وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ

الْعِقَابِ

Maksudnya : *Dan jagalah diri kamu daripada (berlakunya) dosa yang membawa bala bencana yang bukan sahaja akan menimpa orang yang zalim di antara kamu secara khusus, tetapi juga akan menimpa kamu secara umum. Dan ketahuilah sesungguhnya Allah amat berat azab seksa-Nya.*

Dalam mentafsirkan amaran Allah ﷻ ini, wajar bagi seluruh umat Islam mengambil iktibar serta pengajaran akibat daripada beberapa bencana yang pernah melanda negara kita dan juga negara-negara lain. Ini termasuklah bencana Greg yang membadai daerah Keningau pada 26 Disember 1996 dan peristiwa Tsunami yang melanda Asia Selatan serta meliputi utara Semenanjung Malaysia pada 26 Disember 2004. Dua bencana alam ini telah banyak memusnahkan harta benda dan kawasan penempatan selain meragut ratusan ribu nyawa.

SIDANG JUM'AT YANG DIRAHMATI ALLAH ﷺ,

Perkara yang dilarang oleh Allah ﷻ wajib di jauhi. Dalam masa yang sama, giatkan usaha mencegah perbuatan keji dan mungkar. Hal ini menuntut pembabitan dan komitmen semua pihak untuk berganding bahu mencegah perbuatan mungkar dan keji yang dibenci Allah ﷻ sesuai dengan saranan Rasulullah ﷺ melalui sabdanya:

مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ، وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ.

Maksudnya: “Sesiapa dalam kalangan kamu melihat berlakunya kemungkaran, hendaklah dia mengubahnya dengan tangan. Jika dia tidak mampu, maka dengan lidahnya dan jika dia tidak mampu, maka mengingkarinya dengan hati. Itulah selemah-lemah iman.”

(Hadith riwayat Muslim, at-Tirmidzi, Abu Daud dan Ibnu Majah)

Berdasarkan sabda Rasulullah ﷺ tersebut, setiap anggota masyarakat muslim yang melihat perbuatan mungkar wajib berusaha menghalangnya mengikut kemampuan mereka. Melalui usaha yang bersungguh-sungguh untuk mencegah dan menjauhi segala bentuk maksiat, kemungkaran dan dosa, dapat memantapkan keimanan kita kepada Allah ﷻ.

SIDANG JUM'AT YANG BERBAHAGIA,

Antara kesan dosa dalam kehidupan manusia adalah:

Pertama : Memadam cahaya hati dan menutup jalan ilmu

Imam Malik telah menasihati Imam Syafie, katanya:

“Aku telah menyaksikan bahawa Allah ﷻ menganugerahkan nur atau cahaya dalam hatimu. Maka jangan kamu memadamkannya dengan kegelapan dosa dan maksiat.”

Dosa yang dilakukan oleh seseorang menjadikan hatinya buta. Pintu ilmu dan hidayah akan tertutup dan terpadam. Lama kelamaan hati semakin gelap dengan bertambahnya dosa dan akan menular daripada hati ke seluruh anggota badan yang lain.

Kedua : Berada dalam belenggu tawanan syaitan dan penjara syahwat

Syaitan dan nafsu saling bekerjasama untuk menawan dan memenjarakan manusia dengan dosa dan maksiat. Hati yang dibelenggu mudah terdedah kepada ancaman kejahatan dan kebinasaan daripada segenap penjuru.

Ketiga : Kehidupan yang sempit

Dosa menjadikan seseorang itu hina dan rendah martabatnya di sisi Allah ﷻ dan manusia. Golongan ini berada dalam keadaan seburuk-buruk kehidupan, hilangnya rahmat dan ketenangan, diganti dengan kesempitan, risau dan sedih.

Allah ﷻ berfirman dalam Surah Taha ayat 124:

وَمَنْ أَعْرَضَ عَن ذِكْرِي فَإِنَّ لَهُ مَعِيشَةً ضَنْكًا وَنَحْشُرُهُ يَوْمَ الْقِيَمَةِ أَعْمَى ﴿١٢٤﴾

Maksudnya: "Dan sesiapa yang berpaling ingkar daripada ingatan dan petunjuk-Ku, maka sesungguhnya adalah baginya kehidupan yang sempit, dan Kami akan himpunkan dia pada hari kiamat dalam keadaan buta".

Keempat : Menzalimi diri sendiri

Dosa memberi pengaruh kepada fungsi akal manusia. Manusia yang taat kepada Allah ﷻ diberikan ketajaman fikiran dan kekuatan akal. Perbuatan dosa dan maksiat semuanya berlawanan dengan akal yang sihat. Contohnya rasuah, penyelewengan, mengumpat dan sebagainya. Firman Allah ﷻ dalam Surah as-Sajadah ayat 22:

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ ذُكِّرَ بِآيَاتِ رَبِّهِ ثُمَّ أَعْرَضَ عَنْهَا إِنَّا مِنَ الْمُجْرِمِينَ مُنتَقِمُونَ

Maksudnya: Dan tidaklah ada yang lebih zalim daripada orang yang diberi ingatan dengan ayat-ayat Tuhannya, kemudian dia berpaling daripadanya (dan tetap mengingkarinya); sesungguhnya Kami tetap membalas.

Kelima : Khianat

Dosa dan maksiat menjadikan diri pelakunya mengkhianati orang lain, tanpa mengira kawan atau lawan terutama di saat dia memerlukan sesuatu untuk kepentingan dirinya. Dosa mampu menghilangkan malu, segan, takut dan lain-lain. Hati, lidah dan semua anggota tidak membantunya kepada perkara yang boleh mendatangkan manfaat

kepada dirinya. Lantas dia akan menjadi semakin jauh dan terasing daripada ahli ilmu, para ulamak dan salafus Soleh.

SIDANG JUM'AT YANG DIRAHMATI ALLAH ﷺ,

Jauhilah dosa, sama ada kecil ataupun besar supaya kita mendapat keredhaan Allah ﷻ. Manusia yang bergelumang dengan dosa, kepekaannya terhadap dosa menjadi semakin ringan dan kurang sensitif yang akhirnya terjerumus kepada penyakit *Nifaq* (munafiq).

Mengakhiri khutbah pada hari ini, antara kesimpulan yang dapat dijadikan pengajaran ialah:

1. Setiap perbuatan dosa akan dihitung dan mendapat balasan di dunia dan diazab di akhirat.
2. Kesan perbuatan dosa bukan sahaja akan menimpa individu yang melakukannya, malahan orang lain juga akan turut menerima tempas serta akibatnya.
3. Setiap anggota masyarakat muslim yang melihat perbuatan mungkar wajib berusaha menghalangnya mengikut kemampuan mereka.

Firman Allah ﷻ dalam Surah an-Nisa' ayat 31 :

إِنْ تَجْتَنِبُوا كَبَائِرَ مَا تُنْهَوْنَ عَنْهُ نُكَفِّرْ عَنْكُمْ سَيِّئَاتِكُمْ وَنُدْخِلْكُمْ مُدْخَلًا

كَرِيمًا ﴿٣١﴾

Maksudnya: Jika kamu menjauhkan dosa besar yang dilarang kamu melakukannya, Kami akan mengampunkan kesalahan (dosa kecil) kamu, dan Kami akan masukkan kamu ke tempat yang mulia (syurga).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ
الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.